

MELAKA 2022 - PENYATA KEWANGAN PERKONGSIAN (LARAS UNTUNG BERSIH)

Kilau dan Sinar ialah pekongsi dalam Perkongsian KS yang beroperasi di Melaka. Maklumat berikut diambil daripada perniagaan Perkongsian KS pada 30 Jun 2022.

	Debit	Kredit
	RM	RM
Kenderaan	32 000	
Alatan Pejabat	8 500	
Premis	67 120	
Susut nilai terkumpul kenderaan		3 200
Susut nilai terkumpul alatan pejabat		500
Akaun Belum Terima	5 000	
Bank	12 280	
Pinjaman daripada Sinar		20 000
Untung Bersih		40 340
Akaun Belum Bayar		7 520
Modal 1 Julai 2021:		
Kilau		36 000
Sinar		27 000
Akaun Semasa 1 Julai 2021:		
Kilau		1 790
Sinar	450	
Ambilan:		
Kilau: 1 September 2021	5 000	
Sinar: 1 Januari 2022	4 000	
: 1 Mac 2022	2 000	
	136 350	136 350

Ikatan perkongsian perniagaan ini menetapkan perkara berikut:

- (i) Untung atau rugi dibahagikan sama rata antara Kilau dan Sinar.
- (ii) Kadar faedah atas modal 10% setahun mengikut nilai modal pada 30 Jun 2022.
- (iii) Kadar faedah atas ambilan 6% setahun.
- (iv) Sinar menguruskan perkongsian dan dibayar gaji bulanan RM800.

Maklumat tambahan:

- (i) Hutang lapuk pulih RM1 200.
- (ii) Faedah atas pinjaman belum bayar RM315.
- (iii) Menghapuskan hutang Akaun Belum Terima yang telah gagal membayar hutang melebihi tempoh yang dipersetujui sebanyak RM300.
- (iv) Peruntukan hutang ragu diselaraskan 5% atas Akaun Belum Terima bersih.
- (v) Kenderaan disusut nilai pada kadar 10% setahun mengikut kaedah baki berkurangan.
- (vi) Alatan pejabat disusut nilai pada kadar 15% setahun atas kos. Alatan pejabat RM8 500 adalah termasuk sebuah komputer riba dibawa masuk oleh Sinar pada 1 Januari 2022. Komputer riba ini bernilai RM3 000.
- (vii) Gaji Sinar belum bayar RM1 600.

Anda dikehendaki menyediakan:

- (a) Penyata Pelarasan Untung Bersih.
- (b) Akaun Pengasingan Untung Rugi bagi tahun berakhir 30 Jun 2022.
- (c) Akaun Semasa pekongsi (beruangan).
- (d) Penyata Kedudukan Kewangan pada 30 Jun 2022.
(Bahagian Ekuiti Pemilik sahaja)

HURAIAN JAWAPAN:**a) Penyata Pelarasan Untung Bersih.**

- Soalan ini memerlukan murid untuk mengenal pasti item maklumat tambahan yang terlibat terlebih dahulu. Sebagai panduan, pilih maklumat tambahan yang **memberi kesan** kepada **hasil atau belanja** dalam **Akaun Perdagangan dan Untung Rugi** sahaja.
- Oleh itu, hutang lapuk terpulih, faedah atas pinjaman, hutang lapuk, hutang ragu, susut nilai kenderaan dan alatan pejabat, iaitu maklumat tambahan **(i) hingga (vi)** perlu diselaraskan dengan untung bersih.
- Maklumat tambahan (vii) iaitu **gaji pekongsi belum bayar tidak terlibat** kerana ia bukan item Akaun Untung Rugi.

Kenal pasti setiap maklumat tambahan sebagai

HASIL / ASET / BELANJA / LIABILITI**Maklumat tambahan:**

- (i) Hutang lapuk pulih RM1 200. **H**
- (ii) Faedah atas pinjaman belum bayar RM315. **L**
- (iii) Menghapuskan hutang Akaun Belum Terima yang telah gagal membayar hutang melebihi tempoh yang dipersetujui sebanyak RM300. **B**
- (iv) Peruntukan hutang ragu diselaraskan 5% atas Akaun Belum Terima bersih. **B**
- (v) Kenderaan disusut nilai pada kadar 10% setahun mengikut kaedah baki berkurangan. **B**
- (vi) Alatan pejabat disusut nilai pada kadar 15% setahun atas kos. Alatan pejabat RM8 500 adalah termasuk sebuah komputer riba dibawa masuk oleh Sinar pada 1 Januari 2022. Komputer riba ini bernilai RM3 000. **B**

Murid boleh menggunakan **petua** mudah berikut:

UBA	Untung bersih asal
+ HA	+ Hasil / Aset
- BL	- Belanja / Liabiliti
=UBT	Untung bersih terselaras

Maklumat tambahan untuk peruntukan hutang ragu dan susut nilai aset bukan semasa perlu dibuat pengiraan seperti biasa.

Berdasarkan label di atas, hanya maklumat tambahan (i) hutang lapuk terpulih akan ditambah dan maklumat tambahan lain akan ditolak dalam pelarasan untung bersih.

JAWAPAN (a)

Perkongsian KS Penyata Pelarasan Untung Bersih				
	Untung bersih		40 340	UBA
	Tambah:			
(H)	Hutang lapuk pulih		1 200	+HA
	Tolak:			
(L)	Faedah atas pinjaman belum bayar	315		
(B)	Hutang lapuk	300		
(B)	Hutang ragu [5% x (5 000 – 300)]	235		-BL
(B)	Susut nilai kenderaan [10% x (32 000 – 3 200)]	2 880		
(B)	Susut nilai alatan pejabat	1 050		
	(15% x 5 500) + (15% x 3 000 x 6/12)		4 780	
	Untung bersih terselaras		36 760	=UBT

Penerangan jawapan (a):

	Huraian Pelarasan
(i)	Hutang lapuk pulih adalah hasil. Hasil akan menambah keuntungan.
(ii)	Dari segi konsep pelarasan belanja, belanja belum bayar akan meningkatkan jumlah belanja (faedah pinjaman dibayar + faedah pinjaman belum bayar). Belanja yang semakin meningkat akan mengurangkan untung bersih. Oleh itu semasa melaraskan untung bersih, belanja belum bayar akan ditolak .
(iii)	Hutang lapuk adalah belanja seterusnya mengurangkan untung bersih (ditolak).
(iv)	Peruntukan hutang ragu adalah kali pertama diwujudkan kerana belum terdapat baki lama peruntukan hutang ragu dalam Imbangan Duga. Peruntukan hutang ragu diwujudkan direkodkan sebagai belanja, dan ditolak kerana mengurangkan untung bersih. PHR = 5% x (*5 000 – 300). *Akaun belum terima tolak hutang lapuk
(v)	Susut nilai aset bukan semasa adalah belanja dan seterusnya akan mengurangkan untung bersih (ditolak). Untuk pengiraan susut nilai kenderaan, gunakan rumus kaedah baki berkurangan seperti biasa iaitu, %SN x (Kos – SNT) .
(vi)	Untuk pengiraan susut nilai alatan pejabat, susut nilai komputer baru yang dibawa masuk oleh Sinar pada 1 Januari 2022 perlu dikira secara berasingan daripada Alatan pejabat sedia ada. Komputer baru ini telah digunakan selama 6 bulan (1 Januari 2022 hingga 30 Jun 2022). Gunakan rumus, %SN x Kos x bulan/12 . Alatan pejabat lama bernilai RM5 500 (RM8 500 – RM3 000)

(b) Akaun Pengasingan Untung Rugi bagi tahun berakhir 30 Jun 2022.

Petikan soalan yang penting untuk bahagian ini. Fahamkan catatan tambahan yang dibuat.

	Debit RM	Kredit RM
Modal 1 Julai 2021:		
Kilau		36 000
Sinar		27 000
Ambilan:		
Kilau: 1 September 2021 10/12 (Sept – Jun)	5 000	
Sinar: 1 Januari 2022 6/12 (Jan – Jun)	4 000	
: 1 Mac 2022 4/12 (Mac – Jun)	2 000	

Sudah termasuk komputer RM3 000

Ikatan perkongsian perniagaan ini menetapkan perkara berikut:

- (i) Untung atau rugi dibahagikan **sama rata** antara Kilau dan Sinar.
- (ii) Kadar faedah atas modal **10%** setahun mengikut nilai modal pada 30 Jun 2022. **FAM: – PUR**
- (iii) Kadar faedah atas ambilan **6%** setahun. **FAA: + PUR**
- (iv) Sinar menguruskan perkongsian dan dibayar **gaji bulanan** RM800. **Gaji: – PUR**

Maklumat tambahan:

- (vi) Alatan pejabat disusut nilai pada kadar 15% setahun atas kos. Alatan pejabat RM8 500 adalah termasuk sebuah komputer riba dibawa masuk oleh Sinar pada **1 Januari 2022. Komputer riba ini bernilai RM3 000.**

Memberi kesan kepada pengiraan FAM untuk Sinar

JAWAPAN (b)

Perkongsian KS Penyata Pengasingan Untung Rugi bagi tahun berakhir 30 Jun 2022		
Untung bersih terselaras		36 760
Tambah: Faedah atas ambilan		
-Kilau (6% x 5 000 x 10/12)	250	
-Sinar (6% x 4 000 x 6/12)+(6% x 2 000 x 4/12)	160	410
Tolak: Faedah atas modal		
-Kilau (10% x 36 000)	3 600	
-Sinar (10% x 24 000) + (10% x 3 000 x 6/12)	2 550	6 150
Tolak: Gaji Kilau (800 x 12) (amaun penuh)		9 600
		21 420
Akaun Semasa:		
-Kilau (21 420 x ½)		10 710
-Sinar (21 420 x ½)		10 710
		21 420

Dari jawapan (a)

- UB
- +FAA
- FAM
- GBE

Angka positif bermaksud kongsi untung. Angka ini diagihkan untuk para perkongsian mengikut nisbah yang dipersetujui.

Penerangan jawapan (b):

Huraian Pengiraan	
(i)	Untung bersih: Sekiranya soalan memerlukan murid untuk membuat pelarasan untung bersih, pastikan murid menggunakan untung bersih terselaras sebagai permulaan jawapan Penyata Pengasingan Untung Rugi.
(ii)	Faedah atas ambilan: Rujuk pada Imbangan Duga dan senaraikan nama pekongsi yang ada membuat ambilan. Perhatikan tarikh ambilan dibuat dan hitung jumlah bulan dari tarikh ambilan dibuat hingga tarikh akhir tempoh perakaunan soalan. Rumus $FAA = \% FAA \times \text{Ambilan} \times \text{bulan}/12$. Ambilan dari pekongsi yang sama tetapi berbeza jumlah bulan perlu dikira faedah secara berasingan (rujuk pengiraan faedah atas ambilan Sinar).
(iii)	Faedah atas modal: Kirakan FAM untuk setiap pekongsi. Perhatikan jika pekongsi ada membawa masuk modal tambahan. Pengiraan faedah untuk modal tambahan ini perlu dibuat secara berasingan daripada modal sedia ada. Untuk pekongsi Sinar, modal RM27 000 sudah pun termasuk komputer riba RM3 000 yang dibawa masuk pada 1 Januari 2022. Jadi pengiraan faedah atas modal untuk Sinar mesti diasingkan untuk modal sedia ada iaitu RM24 000 (RM27 000 – RM3 000) dan modal baru sebanyak RM3 000 (baru 6 bulan dibawa masuk). Gunakan rumus $FAM = \% FAM \times \text{Modal} \times \text{bulan}/12$ untuk modal baru.
(iv)	Gaji pekongsi: Senaraikan nama pekongsi yang dibayar gaji dan masukkan angka gaji penuh iaitu gaji yang sepatutnya dibayar kepada pekongsi. Oleh itu untuk pekongsi Kilau, gaji sebulan RM800 didarabkan dengan 12 bulan untuk mendapatkan gaji tahunan (gaji sebenar).
(v)	Akaun Semasa: Kirakan pembahagian untung mengikut nisbah yang telah dinyatakan dalam Ikatan Perkongsian.

(c) Akaun Semasa pekongsi (beruangan).

Pertama sekali, murid mesti tahu **memasukkan baki awal** Akaun Semasa setiap pekongsi dengan betul. **Item debit** Akaun Semasa pula terdiri daripada Ambilan dan Faedah atas ambilan.

Perhatikan petikan soalan berikut:

	Debit RM	Kredit RM
Akaun Semasa 1 Julai 2021:		
Kilau		1 790
Sinar	450	
Ambilan:		
Kilau: 1 September 2021	5 000	
Sinar: 1 Januari 2022	4 000	
: 1 Mac 2022	2 000	

Perhatikan kedudukan baki Ak. Semasa dalam Imbangan Duga

Jumlah ambilan Sinar RM6 000

Petikan jawapan (c):

Akaun Semasa					
	Kilau	Sinar		Kilau	Sinar
Baki b/b		450	Baki b/b	1 790	
Ambilan	5 000	6 000			
Faedah atas ambilan					

Lengkapkan Akaun Semasa pekongsi berpandukan penerangan di bawah. Kebanyakan angka dan butiran dipindahkan dari Penyata Pengasingan Untung Rugi.

Perkongasian KS		
Penyata Pengasingan Untung Rugi bagi tahun berakhir		
30 Jun 2022		
Untung bersih terselaras		36 760
Tambah: Faedah atas ambilan		
-Kilau (6% x 5 000 x 10/12)	250	
-Sinar (6% x 4 000 x 6/12)+(6% x 2 000 x 4/12)	160	410
Tolak: Faedah atas modal		
-Kilau (10% x 36 000)	3 600	
-Sinar (10% x 24 000) + (10% x 3 000 x 6/12)	2 550	6 150
Tolak: Gaji Kilau (800 x 12) (amaun penuh)		9 600
		21 420
Akaun Semasa:		
-Kilau (21 420 x ½)		10 710
-Sinar (21 420 x ½)		10 710
		21 420

JAWAPAN (c)

Akaun Semasa					
	Kilau	Sinar		Kilau	Sinar
Baki b/b		450	Baki b/b	1 790	
Ambilan	5 000	6 000	Faedah atas modal	3 600	2 550
Faedah atas ambilan	250	160	Pengasingan untung rugi	10 710	10 710
Baki h/b	10 850	8 565			
			Gaji		1 600
			Faedah atas pinjaman		315
	16 100	15 175		16 100	15 175
			Baki b/b	10 850	8 565

Penerangan jawapan (b):

Imbangkan sehingga Baki b/b

Huraian butiran & pengiraan	
(i)	Perhatikan faedah atas ambilan, faedah atas modal dan Pengasingan untung rugi dimasukkan angka yang sama dari Penyata Pengasingan Untung Rugi.
(ii)	Untuk gaji Sinar , rujuk maklumat tambahan (vii) yang telah menyebut gaji Sinar belum bayar ialah RM1 600. Gaji (juga bonus dan elaun) dimasukkan amaun belum bayar sahaja dalam Akaun Semasa pekongsi.
(iii)	Masukkan juga faedah atas pinjaman belum bayar untuk Sinar sebanyak RM315 Rujuk maklumat tambahan (ii).

(d) Penyata Kedudukan Kewangan pada 30 Jun 2022.
(Bahagian Ekuiti Pemilik sahaja)

Senaraikan semula baki-baki modal setiap pekongsi dan juga Baki b/b (akhir) dari Akaun Semasa ke bahagian Ekuiti Pemilik Penyata Kedudukan Kewangan.

Penyata Kedudukan Kewangan pada 30 Jun 2022		
<u>Ekuiti Pemilik</u>		
Akaun Modal		
- Kilau	36 000	
- Sinar	27 000	
		63 000
Akaun Semasa		
- Kilau	10 850	
- Sinar	8 565	
		19 415
		82 415

Dari baki b/b (akhir)
 Akaun Semasa Pekongsi
 (angka murid)